



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari bersama penerima Surat Tawaran Rumah Selangorku pada Jelajah #KitaSelangor Penyayang (JKSP) daerah Gombak di Tapak Bazar Ramadan Taman Melawati, Gombak pada 25 Februari 2023. Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM/SELANGORKINI

## TERKINI

[Yayasan MBI peruntuk RM1.3 juta baik pulih prasarana sekolah, bantu PIBG](#)

October 23, 2024

[KPDN rampas 13.8 juta liter diesel subsidi, libat kerugian lebih RM31 juta](#)

October 23, 2024

[22 individu termasuk CEO GISBH didakwa jadi ahli jenayah terancang](#)

October 23, 2024

[Israel sekat bantuan, hospital di Gaza habis bekalan ubat, makanan](#)

October 23, 2024

[Warga asing menyamar tukang cuci cuba culik kanak-kanak diberkas penduk](#)

October 23, 2024

AGENDA NASIONAL SELANGOR

## Wanita teruja miliki Rumah Selangorku, permohonan dilulus kurang tiga minggu

by Sofia Nasir | February 25, 2023 3:11 pm

GOMBAK, 25 FEB: Seorang pekerja swasta melahirkan rasa terkejut dan teruja dengan peluang memiliki Rumah Selangorku selepas permohonan diluluskan tidak sampai tiga minggu.

Lim Shaik Hoon, 34, berkata beliau membuat permohonan rasmi untuk mendapatkan kediaman mampu milik itu selepas dimaklumkan rakannya berhubung pembangunan kediaman berkenaan.

"Saya rasa harga rumah ini sangat berbaloi. Pada harga RM220,000 dapat memiliki rumah dilengkapi kipas, air panas, penghawa dingin, kabinet dapur serta dua lot parkir kereta.

"Lokasinya juga strategik dan menarik iaitu di Selayang dan berhampiran dengan banyak kemudahan," katanya kepada Selangorkini.

Sementara itu, juruteknik di syarikat teknologi maklumat sanggup mengenepikan keinginannya membeli kereta demi memiliki kediaman Rumah Selangorku.

Tanaseelan Naidu Tanabar Naidu, 29, berkata beliau mengikut nasihat ibunya supaya mempunyai rumah sendiri pada usia muda.



Lim Shaik Hoon. Foto SOFIA NASIR/SELANGORKINI

"Ibu nasihatkan jangan buat pinjaman untuk beli kereta dahulu. Jadi saya turuti kerana ada kebenarannya kata-kata itu."

"Kebetulan rumah dimiliki ini hanya lima minit perjalanan dari rumah ibu. Saya gembira tidak jauh daripada beliau," katanya.

Terdahulu Shaik Hoon dan Tanaseelan Naidu menerima surat tawaran Rumah Selangorku Pangaspuri Aman Siara daripada Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari sempena program Jelajah #KitaSelangor Penyayang di tapak bazar Ramadan Taman Melawati di sini hari ini.



Tanaseelan Naidu Tanabar Naidu. Foto SOFIA NASIR/SELANGORKINI